

Kenyataan Media

Untuk siaran segera

TRANSIT ALIRAN RINGAN 3 (LRT 3) MENJANGKAU SEMPADAN KE KORIDOR BARAT LEMBAH KLANG

SHAH ALAM – OGOS 24, 2016: Transit Aliran Ringan 3 (LRT3), projek rel bandar yang terbaru di koridor Barat Lembah Klang telah dilancarkan hari ini oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Razak di Stadium Malawati, Shah Alam.

Jajaran sepanjang 37 kilometer ini akan menyediakan kemudahan kepada penumpang di Klang, Shah Alam dan Petaling Jaya dan juga akan mengintegrasikan lima stesen LRT3 dengan rangkaian pengangkutan yang baru dan sedia ada.

LRT3 boleh membawa lebih penumpang berbanding dengan pengangkutan awam yang lain di kawasan Barat Lembah Klang dengan kadar 36,720 orang penumpang setiap arah setiap jam.

Kerja-kerja pembinaan LRT3 dijadualkan bermula di awal tahun 2017 dan dijangka siap pada 31 Ogos 2020 dengan kos yang dihadkan iaitu RM9 bilion.

Projek LRT3 ini dimiliki oleh Prasarana Malaysia Berhad, pemilik dan pengusaha LRT, jaringan Monorel terkini serta perkhidmatan bas di Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Kuantan.

Tan Sri Ismail Bin Adam, Pengerusi Prasarana yang berucap di pelancaran tersebut berkata bahawa projek ini dijangka membawa hubungan penting dan mobiliti kepada orang ramai antara Petaling Jaya, Shah Alam dan Kelang.

Projek LRT3 ini telah menerima lebih 90% sokongan dari hampir 7,300 orang yang telah berkongsi maklum balas mereka semasa pameran orang awam mengenai cadangan jajaran LRT3 di antara bulan Mei dan Ogos 2015.

Syarikat usahasama, MRCB George Kent Sdn Bhd (MRCB GK) telah dilantik sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) untuk jajaran LRT3 ini oleh Prasarana pada September 2015.

Peringkat pra-kelayakan kompetitif telah selesai pada bulan Mei 2016, di mana 96 daripada 124 peserta yang telah disenarai pendekkan.

Sebaik sahaja disiapkan, projek LRT3 ini akan mempunyai 26 buah stesen, yang merentangi sejumlah 37 kilometer, termasuk sebuah stesen bawah tanah. Lima daripada stesen-stesen LRT3 akan diintegrasikan dengan pemindahan perkhidmatan yang sedia ada atau yang baru.

Dengan terdapatnya integrasi di tempat-tempat tersebut, LRT3 dijangka akan mengurangkan kesesakan lalu lintas, meningkatkan mobiliti pekerja dan mewujudkan peluang pekerjaan baru sekitar Lembah Kelang menjelang penyiapannya pada tahun 2020.

TAMAT

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi dan Pemasaran Strategik Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

- Lim Jin Aun di limjinaun@prasarana.com.my atau 016 222 1579
 - Tengku Azrawati Tengku Arshad di azrawati.arshad@prasarana.com.my atau 017 372 8486
 - Liyana Yusoff di liyana@mrcbgk.com atau 014 734 5461
-

MENGENAI PRASARANA MALAYSIA BERHAD

Ditubuhkan pada tahun 1998 dan telah beroperasi sejak 2002, Prasarana merupakan pemilik aset dan pengendali dua rangkaian LRT negara dan Monorel KL, tambahan kepada perkhidmatan bas Rapid Penang, Rapid Kuantan, Rapid Kamunting dan Rapid KL, yang meliputi operasi mesra alam sekitar Bus Rapid Transit – Laluan Sunway. Dengan usaha untuk mengubah perkhidmatan pengangkutan awam negara melalui Rapid Rail Sdn Bhd dan Rapid Bus Sdn Bhd, Prasarana juga telah menubuhkan Prasarana Integrated Management & Engineering Services Sdn Bhd (PRIME) untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan dan perunding kejuruteraan serta Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE) untuk mengusahakan projek pembangunan komersial dan pemindahan berorientasikan pembangunan untuk memperkukuhkan lagi prestasi syarikat. Prasarana juga telah menubuhkan Prasarana Rail and Infrastructure Projects Sdn Bhd (PRAISE) untuk mengendalikan projek utama Prasarana seperti Projek Perluasan LRT dan LRT3.

MENGENAI MRCB GEORGE KENT (MRCB GK)

MRCB George Kent merupakan syarikat usahasama yang telah dilantik pada 4hb September 2015 sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) Aliran Transit Ringan 3 (LRT3). MRCB pada masa ini adalah pemaju terbesar merangkap kontraktor untuk Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di Malaysia, manakala George Kent adalah pakar sistem keratapi tempatan terbesar di Malaysia.

MRCB GK membawa kakitangan yang profesional dan berkemahiran tinggi dalam projek transit ke projek LRT3 ini, dengan memberikan penyelesaian yang berkesan dan kos efektif khusus untuk keperluan Prasarana dengan kerjasama dan sokongan yang menyeluruh.

MENGENAI TRANSIT ALIRAN RINGAN 3 (LRT3)

LRT3 dijangkakan akan menghubungkan 2 juta penduduk antara Bandar Utama dan Klang pada tahun 2020. Dibangunkan sejajar dengan Pelan Induk Pengangkutan Awam Greater Kuala Lumpur / Lembah Klang (GKL / KV), LRT3 akan menjadi satu ciri utama dalam memanjangkan perhubungan rel dalam kawasan Barat Lembah Klang (GKL / KV). Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati www.lrt3.com.my